

**PM**  
**5 DEC 1985**  
**Kesal**  
**missi**  
**damai**  
**ditanggung**

KUALA LUMPUR 14 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini ~~kesal kerana~~ missinya untuk menamatkan perang Iran-Iraq terpaksa ditanggungkan di saat akhir oleh kerana terlalu banyak syarat yang dikenakan oleh pihak yang bertelingkah.

Perdana Menteri menjelaskan tidak ada tarikh baru ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat jawatankuasa damai yang ditubuhkan oleh Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) untuk menamatkan perang Iran dan Iraq yang pada mulanya dijadualkan bersidang minggu depan di Jeddah.

Beliau dijadualkan berlepas ke Jeddah hari ini dan kemudian pergi ke Teheran keesokan harinya.

“Tidak ada tarikh baru ditetapkan. Cuma mereka kata saya tidak payah pergi pasal ada syarat-syarat yang terlalu banyak,” kata Datuk Sri Dr. Mahathir yang merupakan salah seorang anggota jawatankuasa pendamai itu kepada para pemberita.